

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2004/2005

Mei 2005

HMT 322 – Aspek-Aspek Teori Linguistik Am

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas ini mengandungi ENAM soalan. Jawab EMPAT daripadanya.

1. Jawab [a] DAN [b].

[a] Beri huraian tentang [i] DAN [ii] dari segi matlamat, andaian, metodologi, objek kajian dan individu yang berpengaruh. Anda juga dikehendaki memasukkan maklumat dari [b], jika sesuai, dalam huraian anda.

[i] Aliran Tatabahasa Generatif (1957 -1992)

[ii] Aliran Tatabahasa Struktural (1930-an - 1950-an)

[b] Di bawah ini adalah antara karya-karya yang terdapat dalam bidang linguistik. Kenal pasti karya-karya yang mempunyai kaitan langsung dengan kemunculan aliran-aliran tatabahasa di atas dan nyatakan penulis karya berkenaan.

Syntactic Structures (1957)

Language(1933)

Aspects of the Theory of Syntax(1965)

Lectures on Government and Binding(1981)

Knowledge of Language: Its Nature, Origin and Use(1986)

Pelita Bahasa Melayu Penggal I (1961)

Barriers (1986)

Semantics: Theories of Meaning in Generative Grammar (1977)

The Minimalist Program (1995)

Sociolinguistic Patterns (1972)

The Ethnography of Communication (1972)

de Cours de Linguistique Generale (edisi ke 5, 1955)

Introduction to the Handbook of American Indian Languages (1964)

[100 markah]

2. Pilih LIMA daripada konsep-konsep yang berikut dan huraikan setiap satu dengan jelas.

[a] Tatabahasa Deskriptif dan Tatabahasa Preskriptif

[b] Leksikon dan Prinsip Unjuran

[c] Subkategorisasi dan Grid-teta

[d] Taksonomi dan Tatabahasa Sejangat

[e] Kecekapan bahasa dan Perlakuan Bahasa

[f] *E-Language* dan *I-Language*

[g] Pemerolehan Bahasa dan Alat Pemerolehan Bahasa

[h] *La langue* dan *la parole*

[100 markah]

...3/-

3. Lakarkan rajah bagi model Teori Standard dan Teori Kuasaan & Tambatan. Huraikan persamaan dan perbezaan antara kedua-duanya dengan memfokus kepada analisis sintaksis.

[100 markah]

4. Bincangkan pandangan aliran Struktural dan aliran Tatabahasa Generatif tentang **sifat bahasa** yang sepatutnya dikaji dan **metodologi** untuk mengkajinya. Dalam perbincangan tersebut, huraikan ciri-ciri 'sains' yang terdapat dalam corak kajian masing-masing.

[100 markah]

5. Bincangkan dan tunjukkan bagaimana ayat-ayat dalam data di bawah ini dijana berdasarkan:

- [i] Model Teori Standard
- [ii] Model Teori Kuasaan & Tambatan

DATA

- [a] Afidah cuba mengikat tali kasut itu.
- [b] Hamzah telah diekori oleh sekumpulan pemuda bermotosikal.
- [c] Kakak meminta saya menemaninya ke pasar.

[100 markah]

6. Huraikan kepentingan data di bawah ini bagi pengkaji bahasa yang mengkaji aspek sintaksis berdasarkan model tatabahasa generatif sebagai kerangka teori.

DATA

- [a] Flying planes can be dangerous.
- [b] Along makan nasi di atas meja.
- [c] Askar itu melihat mereka dengan teropong.
- [d] Jais mengupas buah mempelam.
- [e] Buah mempelam dikupas oleh Jais.

[100 markah]